

Ismail Sabri tinjau jentera BN

BF - 15/11/2021 m/d = 15

PM turut serah surat tawaran belajar kepada anak pegawai bomba lemas

Melaka: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam meluahkan masa melawat dan menjintra beberapa bilik gerakan berjenjara pilihan raya Barisan Nasional (BN) bagi menemui calon parti itu yang bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Lawatan bermula seawal jam 8.30 pagi itu menyaksikan Perdana Menteri yang berbaju biru gelap dengan logo Parlimen dan jata negara, singgah ke beberapa bilik gerakan dan kedai makan di lima kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Melaka.

Beliau turut mengambil kesempatan beramah mesra dengan penduduk, selain menyantuni golongan memerlukan.



Ismail Sabri bersama keluarga Allahyarham Mohd Diya selepas menyampaikan surat tawaran melanjutkan pelajaran kepada Muhammad Daniel Hakime (dua dari kiri) di Melaka, semalam.

(Foto BERNAMA)

Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO memulakan lawatan dengan bersarapan di gerai coconut shake Alai di DUN Telok Mas, sebelum bergerak ke Bilik Gerakan BN DUN Sungai Udang di Tangga Batu.

Beliau kemudian melawat ge-

rai Mama Yan Selera Kampung di DUN Lenu, Masjid Tanah, seterusnya beramah mesra bersama penduduk di Medan Selera Selandar di DUN Asahan, Alor Gajah dan berakhir di DUN Rim, Jasin, sebelum berangkat pulang ke ibu negara sekitar

jam 2 petang.

Terdahulu, Perdana Menteri turut menyampaikan surat tawaran melanjutkan pelajaran kepada anak pegawai bomba yang lemas ketika menjalankan operasi menyelamatkan mangsa banjir di Sungai Putat, Ayer Ke-

roh, Oktober lalu.

Ismail Sabri menyerahkan surat tawaran melanjutkan pelajaran dalam bidang automotif di Kolej Komuniti Bukit Beruang itu kepada Muhammad Daniel Hakime, 18, yang juga anak sulung Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh.

Balu Allahyarham, Noraida Che Noh, 39, dilihat sebak melihat hasrat anak sulungnya untuk melanjutkan pelajaran tercapai dan menghargai keprihatinan Perdana Menteri yang turun sendiri menyerahkan surat tawaran berkenaan.

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut memuat naik gambar peremuannya dengan keluarga Allahyarham Mohd Diya menerusi Instagram.

"Anak-anak masih di usia kecil, saya melihat mereka. Saya berikan kata-kata semangat untuk teruskan cita-cita dan impian.

"Semoga kita sama-sama sebagai sebuah Keluarga Malaysia dapat memberi kekuatan bagi keluarga arwah dalam menempuh dugaan ini. Al-Fatihah," katanya.